



**PERATURAN PERTANDINGAN ACARA SUKAN TM POWER RACE  
KARNIVAL SUKAN TM 2014  
25 HINGGA 28 SEPTEMBER 2014**

**1. PERATURAN AM**

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung pada Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Majlis, Persekutuan dan Persatuan yang dinyatakan dibawah :-
  - 1.1.1 Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negara dan OIC
  - 1.1.2 Persekutuan Lumba Basikal Kebangsaan Malaysia - Malaysian National Cycling Federation (MNCF) dan UCI.
  - 1.1.1. Persatuan Kanu Malaysia - Malaysia Canoe Association (MASCA) dan International Canoe Federation (ICF).
- 1.2. Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada PERATURAN AM Karnival Sukan TM 2014 dan dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negara dan OIC; Persekutuan Lumba Basikal Kebangsaan Malaysia - Malaysian National Cycling Federation (MNCF) dan UCI; dan Persatuan Kanu Malaysia - Malaysia Canoe Association (MASCA) dan International Canoe Federation (ICF).
- 1.3. Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis akan melantik Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah untuk mengendalikan pertandingan bagi acara TM Power Race dengan menggunakan peraturan-peraturan yang dipersetujui bersama kedua-dua pihak dengan dibaca bersama tatacara, peraturan dan pengurusan pertandingan Undang-Undang Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negara dan OIC; Persekutuan Lumba Basikal Kebangsaan Malaysia - Malaysian National Cycling Federation (MNCF) dan UCI; Persatuan Kanu Malaysia - Malaysia Canoe Association (MASCA) dan International Canoe Federation (ICF).
- 1.4. Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah akan melantik seorang Ketua Penyelaras Sukan TM Power Race, Pengadil Bertauliah, Pembantu Teknikal Bertauliah, atau dan pegawai yang perlu untuk menguruskan pertandingan.



## **2. TARIKH PERTANDINGAN PERLAWANAN**

- 2.1. Tarikh perlawanannya akan dilangsungkan 25 hingga 28 September 2014.

## **3. TEMPAT PERTANDINGAN PERLAWANAN**

- 3.1. Lokasi perlawanannya Pertandingan akan diadakan di Tasik Bandar Darulaman, Jitra, Kedah dan Sekitar Bandar Darulaman Jitra Kedah.

## **4. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

- 4.1. Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa sebagaimana yang telah diputuskan oleh Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negara dan OIC; Persekutuan Lumba Basikal Kebangsaan Malaysia - Malaysian National Cycling Federation (MNCF) dan UCI; dan Persatuan Kanu Malaysia - Malaysia Canoe Association (MASCA) dan International Canoe Federation (ICF).
- 4.2. Sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum bermulanya perlawanannya, tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama empat (4) pemain termasuk Pengurus Pasukan / Pemain.

## **5. PENDAFTARAN PEMAIN**

- 5.1. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar 4 orang pemain termasuk seorang Pengurus Pasukan / Pemain. Seorang pemain veteran (umur 45 ke atas) untuk disiplin kayak.
- 5.2. Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut:-
  - 5.2.1 Nama penuh pemain, acara dan seorang pengurus pasukan.
  - 5.2.2 Salinan Kad Pengenalan atau dokumen yang berkaitan.
  - 5.2.3 Salinan passcard pekerja.
- 5.3. Borang ini hendaklah disahkan oleh Pengurus Besar Negeri/Presiden Kelab TM Negeri atau Naib Presiden Kelab TM Negeri masing-masing



## 6. ACARA-ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

- 6.1. Pertandingan TM Power Race akan dijalankan dalam kategori berpasukan yang terdiri daripada:-
  - 6.1.1. Basikal bukit - 1 Lelaki Terbuka - jarak kayuhan 20 km
  - 6.1.2. Kayak K2 - 1 Lelaki Veteran dan 1 Terbuka - jarak berkayak 10 km.
  - 6.1.3. Larian Marathon - 1 Lelaki Terbuka - jarak larian 10 km

## 7. SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1. Acara akan dijalankan secara berganti-ganti (relay). Setiap pasukan akan diberi lilitan lengan yang kemudiannya akan diserah kepada peserta acara (disiplin) seterusnya.
- 7.2. Acara akan dimulai dengan **disiplin basikal bukit, diikuti dengan berkayak K2 dan diakhiri dengan larian Marathon.**

## 8. MENENTUKAN PEMENANG

- 8.1. Kedudukan pemenang akan ditentukan mengikut kedudukan 1, 2, 3 dan seterusnya.

## 9. MENARIK DIRI

- 9.1. Pasukan atau pemain yang terlewat 15 minit dari masa yang telah dijadualkan bermain akan dianggap sebagai menarik diri serta tidak dibenarkan membuat rayuan untuk bertanding.
- 9.2. Menarik diri (walk over) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika ianya berlaku maka pasukan atau pemain akan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan.
- 9.3. Keputusan-keputusan yang terdahulunya bagi pasukan atau peserta yang berkenaan tidak akan diambil kira.



## 10. PENGADIL

- 10.1. Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara TM Power Race akan menyediakan pengadil bertauliah, Pembantu Teknikal Bertauliah, atau dan pegawai yang perlu untuk menguruskan pertandingan.
- 10.2. Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara TM Power Race untuk menamakan Teknikal Deligate bagi pertandingan ini.
- 10.3. Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil & pegawai pertandingan adalah muktamad mengikut Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 dengan dibaca sekali bersama-sama Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negara dan OIC; Persekutuan Lumba Basikal Kebangsaan Malaysia - Malaysian National Cycling Federation (MNCF) dan UCI; Persatuan Kanu Malaysia – Malaysia Canoe Association (MASCA) dan International Canoe Federation (ICF).

## 11. MENARIK DIRI

- 11.1. Pasukan atau pemain yang terlewat 15 minit dari masa yang telah dijadualkan bermain akan dianggap sebagai menarik diri serta kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan.
- 11.2. Menarik diri (walk over) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika ianya berlaku maka pasukan atau pemain akan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan.

## 12. BANTAHAN

- 12.1. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis SEBELUM PERMAINAN ATAU TIDAK LEWAT DARI 30 MINIT SELEPAS PENGADIL MENGUMUMKAN KEPUTUSAN. Bantahan ini hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Borang Bantahan yang disediakan dan diserahkan kepada Pengerusi



Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 berserta sekali wang tunai sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja). Wang ini cuma akan dikembalikan jika bantahan tersebut berjaya setelah ditolak 50% bayaran pengurusan.

### **13. JAWATANKUASA BANTAHAN DAN RAYUAN**

- 13.1. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 perlu menyerahkan borang dan wang tunai berkenaan untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh Pihak Pengelola Kejohanan ini. Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan sebagaimana berikut:
  - 13.1.1. Timbalan Presiden Kelab Malaysia Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan
  - 13.1.2. Naib Presiden Biro Sukan Kelab TM Malaysia
  - 13.1.3. Pengerusi Bersama KARNIVAL SUKAN TM
  - 13.1.4. Ketua Pengadil Pertandingan yang dilantik
  - 13.1.5. Ketua Sekretariat Penganjur
  - 13.1.6. Seorang AJK Pertandingan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan.
- 13.2. Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan memulakan persidangan pada waktu yang sama sebaik sahaja Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 menyerahkan borang bantahan dan wang tunai.
- 13.3. Keputusan Rayuan akan dibuat atau dimaklumkan dalam masa dua puluh empat jam (24 jam) selepas Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan bersidang.
- 13.4. Keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengadil atau dan Jawatankuasa Pertandingan atau dan Bersama-sama Pengelola Kejohanan adalah mutamad.

### **14. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN**

- 14.1. Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan Kelab TM Malaysia bersama-sama



dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara TM Power Race dengan dibaca bersama-sama sekali Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negara dan OIC; Persekutuan Lumba Basikal Kebangsaan Malaysia - Malaysian National Cycling Federation (MNCF) dan UCI; Persatuan Kanu Malaysia – Malaysia Canoe Association (MASCA) dan International Canoe Federation (ICF).

## 15. HADIAH

- 15.1. Hadiah yang disediakan adalah seperti berikut:

EMAS	PERAK	GANGSA
1	1	1

- 15.2. Hadiah kemenangan yang diiktiraf bagi acara sukan ini akan disediakan oleh pengelola untuk 4 orang termasuk pengurus pasukan.

Disediakan Bersama oleh:  
Kelab TM Malaysia dan AJK Pertandingan dan Teknikal  
KASTEL 2014  
Kedah/Perlis.



**BORANG BANTAHAN  
ACARA SUKAN TM POWER RACE  
KARNIVAL SUKAN TM 2014  
25HB HINGGA 28HB SEPTEMBER 2014**

**NEGERI** : .....

**Nama Pengurus** : .....

**Tandatangan** : .....

**Tarikh** : .....

**Bantahan Yang Dibuat Dengan Menyertakan Wang Bantahan Sebanyak RM1,000.00 Di atas Perkara / Isu :-**

.....

.....

.....

.....

**Tandatangan :** .....

**Nama** : .....

**Untuk kegunaan pihak sekretariat**

Dengan ini pihak sekretariat mengesahkan menerima bantahan dari pasukan seperti nama yang tertera di atas.

Diterima oleh: \_\_\_\_\_ No Kd Pengenalan \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_ tandatangan penerima : \_\_\_\_\_